

BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 13 JANUARI 2022
(KHAMIS)



Malaysia, Singapura bincang usaha pengaliran data

Januari 13, 2022 @ 7:05pm



PUTRAJAYA: Perbincangan antara Malaysia dan Singapura pada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) Kelima berhubung Kerjasama Maklumat dan Komunikasi hari ini, berkisar isu berkaitan yang membolehkan pergerakan aliran data boleh dipercayai antara kedua-dua negara.

Turut dibincangkan dalam JCM dihoskan Singapura itu ialah isu berkaitan usaha membaiki hubungan ekosistem teknologi dan inovasi dua negara bagi menyokong perniagaan serta permulaan perniagaan.

Mesyuarat secara maya itu dipengerusikan bersama Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Multimedia (KKMM), Datuk Seri Mohammad Mentek dan Setiausaha Tetap Kementerian Komunikasi dan Maklumat Singapura, Yong Ying-I.

"Kedua-dua pihak komited melaksanakan projek bagi menunjukkan manfaat kerjasama dalam domain digital yang berkembang pesat ini, bagi menyokong pemulihan ekonomi masing-masing," kata kenyataan bersama dikeluarkan sempena JCM hari ini.

Kenyataan bersama itu berkata, JCM turut berbincang bagaimana hasil pengeluaran, pengedaran dan penggunaan media diganggu teknologi dan platform dalam talian, termasuk jumlah maklumat yang semakin meningkat serta penyebaran maklumat palsu yang berleluasa dengan pantas.

Pada mesyuarat itu, Mohammad dan Ying-I berbincang mengenai usaha transformasi digital di negara masing-masing, selain meneroka bidang kerjasama digital dua hala yang dapat

meningkatkan pemulihan pasca pandemik.

Mohammad menekankan Malaysia terus menerima teknologi digital dan membangunkan teknologi serta model perniagaan yang unik untuk membantu negara mewujudkan enjin pembangunan baharu.

Beliau berkata, dengan pertumbuhan ekonomi digital, Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan teknologi yang sentiasa berkembang, Malaysia berhasrat meneroka potensi kerjasama dalam sektor ini pada masa depan.

"Malaysia sedang meningkatkan usaha membantu pengusaha perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) serta perniagaan, dalam mengguna pakai teknologi digital dan akan terus memajukan rancangan bagi mewujudkan ekonomi digital yang inklusif serta progresif untuk semua," katanya.

Ying-I pula berkata, kerjasama antara Singapura dan Malaysia akan menjadi batu loncatan untuk meningkatkan hubungan antara perniagaan dan orang ramai serta menyokong pemulihan daripada pandemik itu.

"Pandemik ini mendorong banyak syarikat mengubah secara digital dan merebut peluang baharu. Melalui JCM, kita memulakan projek kerjasama digital yang bermakna untuk meningkatkan penggunaan dan kebolehoperasian teknologi digital di kedua-dua negara," katanya.

Malaysia akan menjadi tuan rumah JCM keenam menjelang akhir tahun ini dan Muzika Ekstravaganza ke-14.

Muzika Ekstravaganza ialah sebuah rancangan tahunan penerbitan bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) Malaysia dan Mediacorp Singapura. – BERNAMA